

▼25/11/12-57MST

CNS0066

U GB 25-11 00180 BH563

BAH

Mahathir - Loji (Bergambar)

MALAYSIA UPAYA KUASAI TEKNOLOGI TINGGI, KATA DR MAHATHIR

KUANTAN, 25 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kejayaan Malaysia mendahului negara-negara membangun di rantau ini daripada segi eksport barangan berteknologi tinggi jelas mencerminkan keupayaan negara menguasai teknologi seumpama itu.

Perdana Menteri bangga kerana keupayaan itu turut mengubah struktur eksport negara daripada menjadi pengeksport bahan mentah kepada bahan nilai ditambah dalam tempoh 10 tahun sahaja.

"Ini membuktikan kejayaan kita dalam menarik industri-industri berteknologi tinggi ke negara ini," katanya ketika berucap merasmikan Loji Methyl Tertiary Butyl Ether (MTBE)/Propylene dan Polypropylene di Kawasan Perindustrian Gebeng, dekat sini, hari ini.

Loji itu dikendalikan oleh MTBE Malaysia Sdn Bhd (MMSB), sebuah syarikat usahasama antara Petronas dengan Neste Oy dari Finland dan Indemitsu Petrochemical Co Ltd dari Jepun.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, walaupun Malaysia sedang berada di landasan yang sesuai daripada segi dasar, pengurusan dan pentadbiran, langkah-langkah perlu diambil bagi melipatgandakan usaha untuk menguasai teknologi terpilih untuk memastikan negara mampu menjadi lebih berdaya saing. -- Lagi

▼25/11/12-43MST

CNS0068

U GB 25-11 00191 BH564

BAH

Mahathir - Loji 2 Kuantan

Untuk mewujudkan asas yang kukuh bagi menggalakkan pertumbuhan berterusan, Perdana Menteri mahu penekanan diberi kepada industri yang mempunyai nilai ditambah dan penggunaan lebih besar serta pemprosesan bagi sumber-sumber asli domestik.

"Semua ini mesti diringi dengan peningkatan pendapatan bagi pekerja kita serta penduduk pada keseluruhannya kerana kita juga perlu memperkukuhkan pasaran tempatan untuk membantu barangan keluaran negara," katanya sambil menekankan pentingnya usaha itu dilakukan hanya bagi meningkatkan produktiviti tanpa menyebabkankan inflasi.

"Semua ini memang nampak tidak mudah tetapi ianya bukanlah tidak mungkin jika kita bertindak secara teratur dan seperti yang dirancangkan," katanya.

Dalam hal ini, beliau yakin langkah Petronas membabitkan diri dalam pengeluaran bahan petrokimia secara besar-besaran bukan sahaja akan membawa negara ke arah perindustrian malahan mempercepatkan lagi proses menjadikan Malaysia negara maju yang cekap, dinamik dan berteknologi tinggi.

Dr Mahathir berkata usaha seumpama itu juga perlu diambil memandangkan industri petrokimia di Malaysia masih berada di peringkat awal walaupun mempunyai rizab gas asli yang besar kira-kira 76.7 trilion kaki padu standard, iaitu bahan yang paling sesuai sebagai "feedstock" untuk menghasilkan bahan-bahan petrokimia. -- Lagi

▼25/11/12-48MST

CNS0092

U GB 25-11 00182 BH571

BAH

Mahathir - Loji 3 Kuantan

Bagaimanapun, katanya dalam usaha menjadi sebuah negara maju, Malaysia perlu mengambilkira kepentingan menjaga alam sekitar dengan meningkatkan langkah-langkah sesuai untuk mengimbangi pembangunan dan keperluan memelihara kualiti alam sekitar.

Penubuhan loji MTBE memang sesuai dan tepat pada masanya dengan usaha kerajaan mengurangkan masalah pencemaran udara kerana selain daripada menggantikan plumbum dalam gasolin sebagai "octane booster", MTBE juga akan meningkatkan mutu gasolin tanpa plumbum yang dijual di negara ini, katanya.

Dalam hal ini, kata Dr. Mahathir, beberapa negara mengiktiraf sumbangan positif MTBE sebagai "oxygenate" dan memberikan contoh Amerika Syarikat yang memperkenalkan Akta Udara Bersih dengan memperuntukkan penggunaan minimum "oxygenate" dalam gasolin tanpa plumbum.

Beliau berkata Malaysia turut mengambil langkah pro-aktif yang serupa dengan menurunkan harga gasolin tanpa plumbum kepada tiga sen seliter lebih murah daripada minyak biasa untuk menggalakkan penggunaan bahan api yang lebih sesuai dengan alam sekitar.

"Langkah selanjutnya ialah pemansuhan duti import sebanyak 35 peratus dan cukai jualan sebanyak 10 peratus bagi "catalytic converters" untuk menggalakkan penggunaan alat mengawal keluaran asap," katanya. -- Lagi

▼25/11/13-28MST

CNS0103

U GB 25-11 00168 BH572

BAH

Mahathir - Loji 4 Kuantan

Di samping itu, Perdana Menteri juga yakin dengan beroperasinya loji polypropylene itu, Petronas dapat memainkan peranan penting sebagai pengeluar sepenuhnya "monomers" dan "polymers" bagi meningkatkan lagi perkembangan industri plastik tempatan.

Ini kerana penggunaan plastik per kapita di Malaysia masih rendah berbanding dengan negara-negara maju dan beliau percaya dengan siapnya loji ethylene dan polyethylene pada 1995, industri plastik negara akan lebih bersedia memasuki fasa pengembangan baru.

"Dengan adanya jaminan bekalan bahan-bahan mentah, Malaysia dijangka dapat terus mengekalkan daya saingnya dengan pengeluaran bahan-bahan yang berasaskan plastik," kata Dr Mahathir.

Selain daripada itu, pengilang dan pengeluar barangan siap lebih berpeluang beralih daripada hanya mengeluarkan bahan-bahan gantian kepada menghasilkan barangan nilai ditambah dan barangan siap.

Dr Mahathir juga yakin secara keseluruhannya loji MTBE itu, yang dianggapnya sebagai satu lagi kemajuan penting dalam pembangunan industri petroleum negara, akan menjadi penggerak pembangunan Kawasan Perindustrian Gebeng di samping menjadi nadi kepada industri-industri lain di sekitarnya. -- Lagi

▼25/11/13-33MST

CNS0115

U GB 25-11 00132 BH573

BAH

Mahathir - Loji 5 (Akhir) Kuantan

Terdahulu dalam ucapannya, Pengerusi Petronas Tan Sri Basir Ismail berkata kompleks loji MTBE itu, yang dibina pada 1990 di kawasan seluas 55 hektar dengan harga RM1,270 juta, mengandungi dua buah loji iaitu MTBE/Propylene dan Polypropylene.

Loji MTBE/Propylene berupaya mengeluarkan 300,000 tan metrik MTBE dan 80,000 tan metrik propylene setahun.

Ia merupakan loji pertama di dunia yang mampu mengeluarkan serentak Propylene dan Isobutylene, yang perlu dicampurkan dengan Methanol untuk menghasilkan MTBE, katanya.

"Loji ini mula mengeluarkan hasil Disember tahun lepas dan kargo pertama MTBE sebanyak 2,700 tan metrik telah dieksport ke Singapura awal tahun ini," katanya dan menambah kata sehingga kini, loji itu telah mengeksport 161,000 tan metrik MTBE. -- Bernama

JO ROS NAK

▼25/11/13-38M8T